

Headline	Sasar jana RM3 juta jualan terus dari ladang		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	08 Apr 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	646 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,310
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,930



Sasar jana RM3 juta jualan terus dari ladang

KUANTAN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan nilai hasil Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) 2019 sebanyak RM3 juta daripada 400 program yang akan dilaksanakan secara berperingkat sepanjang tahun.

Ketua Pengarahnya Datuk Ahmad Ishak berkata sasaran itu dibuat berdasarkan perolehan JTDL sebanyak RM3.3 juta menerusi pelaksanaan 488 program yang melibatkan 819 peserta tahun lalu.

"Program ini membolehkan pengguna membeli hasil tanaman yang segar dan berkualiti kerana dibawa terus dari ladang.

"Peserta juga boleh menawarkan harga yang lebih berpatutan kepada pengguna iaitu antara lima hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jelajah Promosi JTDL Peringkat Pahang di sini, semalam.

Program selama empat hari bermula semalam disertai 20 peserta dari Pahang, Terengganu dan Johor.

Ahmad berkata program jelajah promosi produk segar pertanian di bawah Program Ladang Kontrak juga akan diperluaskan lagi ke lapan buah pasar raya besar di seluruh negara.

"Ia bagi menyediakan outlet pasaran alternatif kepada setiap peserta ladang kontrak yang dilihat menepati trend membeli belah masa kini iaitu orang ramai tidak hanya perlu ke pasar awam untuk membeli sayur atau buah-buahan.

"Produk tanaman itu sudah boleh didapati dengan mudah di pasar raya yang menjadi lokasi pilihan kerana lebih selesa," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad memaklumkan 2755 outlet runcit FAMA di seluruh negara mencatat pendapatan sebanyak RM2.9 bilion tahun lalu. — Bernama



BERMINAT... Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Ahmad Ishak menunjukkan buah nenas yang dijual kepada pengunjung selepas melancarkan Jelajah Promosi Jualan Terus Dari Ladang Peringkat Negeri Pahang di Lobi Mega Mall semalam. • Foto BERNAMA